

# Syarikat baru tidak saingi MAS

Oleh Jamudin Idris



B.H 20 MAY 1993

SHAH ALAM, Rabu — Syarikat penerbangan kedua negara tidak akan bersaing dengan syarikat sedia ada di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tumpuan syarikat penerbangan kedua negara ialah destinasi yang tidak dapat dipenuhi oleh Penerbangan Malaysia (MAS) tetapi masih berpotensi memberi keuntungan.

Katanya, syarikat baru itu juga tidak akan bersaing dengan penerbangan domestik seperti Pelangi Air kerana ia memberi tumpuan ke destinasi luar negara.

"Syarikat penerbangan kedua negara boleh disertai syarikat seperti Pelangi, MAS, gabungan atau pihak swasta lain yang berminat," katanya kepa-

da pemberita di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Pengerkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengenai persetujuan kerajaan supaya sebuah lagi syarikat penerbangan negara ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan baru selain menjadi pelengkap kepada operasi MAS.

Menurut Dr Mahathir, syarikat penerbangan kedua negara akan memberi tumpuan ke destinasi luar negara sahaja kerana destinasi domestik tidak menguntungkan.

Katanya, kerajaan akan cuba mengelak pertindihan penerbangan di antara syarikat baru itu dan MAS kerana ia boleh menyebabkan kerugian.

Perdana Menteri juga menolak dakwaan konon-

nya kerajaan akan turut mengambil bahagian dalam syarikat penerbangan kedua negara.

"Kita mahu syarikat swasta bukan kerajaan menceburi bidang perniagaan," katanya.

Mengenai usaha mengawal inflasi, Dr Mahathir berkata, kerajaan kini dalam peringkat mengenal pasti punca inflasi supaya dapat mengawalinya.

Untuk itu, katanya, mesyuarat dengan pakar ekonomi dan pegawai bank diadakan bagi membincangkan beberapa perkara seperti penggunaan tanda harga pada setiap barang.

Beliau yang mengetuai Jawatankuasa Mengawal Inflasi berkata, kerajaan ingin memastikan pertumbuhan negara berkembang tetapi kadar inflasi akan terus menurun.